

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
[ PULAI ]**

**TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah rumah yang sudah dan sedang dibina PR1MA serta jumlah kos yang sudah dan akan dibelanjakan dalam tempoh lima tahun akan datang sehingga 2018.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 119,933 unit rumah untuk dibina di seluruh negara. Jumlah unit pembangunan ini sentiasa berubah dan meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang giat diadakan.

Pelaksanaan pembinaan rumah PR1MA di pelbagai lokasi strategik di seluruh Malaysia pada masa ini juga sedang rancak dijalankan. Secara keseluruhannya, PR1MA telah menerima kelulusan bagi Perintah Pembangunan untuk membangunkan 32 projek yang melibatkan 28,363 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 11,308 unit rumah sedang dalam pembinaan yang terdiri daripada 8 buah projek antaranya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Perak dan Negeri Sembilan. Melalui kelulusan Perintah Pembangunan yang meningkat dari semasa ke semasa, PR1MA dijangka akan dapat melaksanakan lebih banyak pembinaan bagi projek-projeknya. PR1MA akan mengumumkan projek-projeknya yang sedia untuk dilancarkan melalui media massa kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, anggaran Kos Pembangunan Kasar (GDC) bagi pembinaan rumah yang telah diluluskan oleh Anggota Perbadanan PR1MA adalah sebanyak RM25.7 bilion. Walau bagaimanapun kos ini bergantung kepada lokasi dan

sumber tanah yang dibekalkan iaitu tanah milik kerajaan atau milik persendirian. Selain itu strategi perolehan turut memainkan peranan terutama sekali dalam mendapatkan bahan mentah bagi kegunaan pembinaan. Jumlah kos yang dianggarkan ini boleh berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada inflasi yang menjelaskan turun naik harga barang seterusnya memberi kesan kepada jumlah kos pembinaan.

Setakat ini, PR1MA telah menerima sebanyak RM1.28 bilion untuk melaksanakan pembangunannya. Daripada jumlah tersebut PR1MA telah membelanjakan sebanyak RM 689 juta bagi projek-projeknya yang sedang berada dalam fasa pembangunan.

Sekian. Terima kasih.